



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR 30 MEI 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : PROGRAM JOB FAIR@UTC 2.0 2017

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	30.05.2017 Selasa	BERITA HARIAN 7,588 dapat kerja sempena Job Fair@ UTC 2.0 2017	Masyarakat 18	KSM Jobs Malaysia

7,588 dapat kerja sempena Job Fair@UTC 2.0 2017



[FOTO BERNAMA]

Pengunjung daripada lepasan universiti dan pusat pengajian tinggi berbaris mendaftar untuk mencari peluang pekerjaan pada Job Fair @UTC 2.0 2017 yang diadakan di UTC Kuching, baru-baru ini.

Putrajaya: Seramai 7,588 orang pencari kerja pada program Job Fair@UTC 2.0 2017 yang berlangsung serentak di seluruh negara pada 20 Mei lalu berjaya men-Kementerian Sumber Manusia dalam laporannya mengenai program Job Fair@UTC 2.0 2017 itu semalam, berkata seramai 8,045 pencari kerja berjaya mendapat temu duga kedua, manakala 6,233 lagi diberikan status KIV dan 1,991 pencari kerja gagal.

Berdasarkan laporan itu, jumlah keseluruhan kekosongan jawatan ditawarkan pada program itu adalah 26,275 membabitkan 457 majikan di seluruh negara.

“Jumlah pengunjung sepanjang program ini berlangsung ialah seramai 35,570 orang,” katanya.

Penganjuran karnival kerjaya itu membabitkan 11 pusat transformasi bandar (UTC) di seluruh negara iaitu Kedah, Perak, Kuala Lumpur, Melaka, Johor, Kelantan,

Fakta nombor

35,570 ORANG

pengunjung sepanjang program ini berlangsung

457 MAJIKAN

ambil bahagian

Pahang, Labuan, Terengganu, Sarawak dan Sabah.

Empat lokasi terpilih

Ia turut membabitkan empat lokasi terpilih JobsMalaysia Center iaitu Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan. -

Kementerian itu berkata, golongan sasar program berkenaan adalah graduan institut pengajian tinggi, pelajar lepasan institut latihan kemahiran, pekerja yang diberhentikan kerja, orang kurang upaya (OKU), pesara, pekerja yang ingin meningkatkan kerjaya, belia dan pelajar sekolah.

Katanya, pengisian program berkenaan ialah temu duga terbuka, pendaftaran carian pekerjaan secara dalam talian, ceramah kerjaya, klinik kerjaya, demonstrasi bakat dan kemahiran (industri kreatif) serta kajian cabaran pencari kerja dan majikan 2017.

BERNAMA

ISU : PROGRAM JOB FAIR@UTC 2.0 2017

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
2.	30.05.2017 Selasa	KOSMO 7,588 orang dapat pekerjaan pada Job Fair @ UTC 2.0	Negara 14	KSM Jobs Malaysia

7,588 orang dapat pekerjaan pada Job Fair@ UTC 2.0

PUTRAJAYA - Seramai 7,588 orang pencari kerja pada Program Job Fair@UTC 2.0 2017 yang berlangsung serentak di seluruh negara pada 20 Mei lalu berjaya mendapat penempatan pekerjaan.

Kementerian Sumber Manusia dalam laporannya mengenai program Job Fair@UTC 2.0 2017 itu semalam berkata, seramai 8,045 pencari kerja pula mendapat temu duga kedua sementara 6,233 diberikan status KIV manakala 1,991 pencari kerja gagal.

Menurut kementerian itu, jumlah keseluruhan kekosongan jawatan yang ditawarkan pada program itu sebanyak 26,275 dengan melibatkan 457 majikan di seluruh negara.

“Jumlah pengunjung sepanjang program ini berlangsung ialah seramai 35,570 orang,” kata kementerian itu.

Penganjuran karnival kerjaya tersebut melibatkan 11 pusat transformasi bandar (UTC) di seluruh negara iaitu Kedah, Perak, Kuala Lumpur, Melaka, Johor, Kelantan, Pahang, Labuan, Terengganu, Sarawak dan Sabah.

Ia turut melibatkan empat lokasi terpilih JobsMalaysia Center iaitu Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan.

Kementerian itu memberitahu, golongan sasaran program itu adalah graduan institut pengajian tinggi, pelajar lepasan Institut Latihan Kemahiran, pekerja yang diberhentikan kerja, orang kelainan upaya, pesara, pekerja yang ingin meningkatkan kerjaya, belia dan pelajar sekolah.